



Headline: Mudahnya terpedaya  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 30 August 2018

Language: Malay  
Section: Setempat  
Page: 53

**"Orang ramai dinasihatkan terus menghubungi polis untuk mendapatkan kepastian jika menerima panggilan seperti ini"**  
Mohamad Zainal

HARIAN METRO

# Mudahnya terpedaya

Noor Hidayah Tanzizi  
cnews@nstp.com.my

■ **Tukang masak, jururawat rugi lebih RM20,000 ditipu sindiket Macau Scam**

Seri Iskandar

**S**eorang tukang masak dan bekas jururawat mendakwa mengalami kerugian lebih RM20,000 akibat terpedaya dengan sindiket penipuan *Macau Scam* dalam dua kes berasingan, di sini.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Superintendan Mohamad Zainal Abdullah berkata, kes pertama membabitkan tukang masak lelaki berusia 26 tahun yang terpedaya dengan tawaran wang kemenangan peraduan daripada syarikat telekomunikasi, Isnin lalu.

Menurutnya, mangsa menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai wakil syarikat dan mendakwa mangsa memenangi peraduan bernilai RM4,000.

"Suspek meminta buti-

ran peribadi mangsa bersama gambar hadapan dan belakang kad ATM Bank Islam untuk tujuan pemindahan wang kemenangan itu, selain meminta mangsa memindahkan semua wangnya daripada akaun lain ke akaun Bank Islam.

"Mangsa memindahkan wang RM9,500 daripada akaun Tabung Haji ke akaun Bank Islam dan kemudian menerima nombor TAC iaitu kod kata laluan mengesahkan perbankan atas talian Bank Islam melalui telefon bimbitnya.

"Suspek meminta nombor itu serta mendakwa ia adalah kod peraduan dan selepas mangsa memberi nombor berkenaan, dia memeriksa akaunnya dan mendapati wang di dalam akaun itu berkurang RM9,500," katanya.

Beliau berkata, mangsa juga membuat peminda-



MOHAMAD Zainal

laki yang mendakwa sebagai pegawai Telekom Malaysia, Ahad lalu.

Katanya, lelaki berkenaan memaklumkan nombor telefon mangsa disalahgunakan untuk tujuan perjudian serta satu akaun bank dibuka di Sabah bagi membuat transaksi wang hasil perjudian haram itu.

Menurutnya, suspek meminta nombor telefon bimbit mangsa untuk dihubungi pegawai polis bagi menerima laporan melalui talian.

"Mangsa menerima panggilan kononnya daripada Bukit Aman yang memaklumkan akaun miliknya akan disiasat.

"Mangsa membuat tiga transaksi wang berjumlah RM13,500 ke akaun individu tidak dikenali dan suspek berjanji memulangkan semula wang itu dalam enam jam, namun mangsa curiga dan mengesyaki ditipu," katanya.

Muhammad Zainal berkata, kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

**FAKTA**  
Kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan

